

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
(KUALA SELANGOR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR

] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah strategik yang diambil terhadap model perniagaan dan struktur modal syarikat 1MDB memandangkan adalah sukar untuk membayar semula pinjaman berjumlah RM42 bilion sehingga aset-aset yang dimiliki syarikat tersebut berupaya menjana aliran tunai.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 1MDB sedang melaksanakan satu pelan rasionalisasi bagi mengimbangi aset dan liabiliti syarikat. Di antara langkah-langkah strategik adalah pencairan aset

kewangan dan 'monetization' anak syarikat 1MDB; iaitu Edra sebanyak 70%, Tun Razak Exchange sebanyak 60% dan Bandar Malaysia sebanyak 60%, di mana pelabur akan dijemput untuk menjadi rakan niaga di syarikat tersebut. Langkah-langkah ini akan mengurangkan liabiliti syarikat ke tahap yang lebih mampan dan memperkukuhkan kedudukan kewangan syarikat.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM
BIN HAJI IBRAHIM [KUALA
SELANGOR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuala Selangor memandangkan PPD pada masa sekarang menumpang di bangunan Sek. Keb. Tanjung Keramat dan pembinaan bangunan PPD yang baru amat penting memandangkan PPD menjadi nadi pendidikan di sesebuah daerah.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyenaraikan permohonan pembinaan pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuala Selangor dalam RP1, Rancangan Malaysia Ke-11 untuk pertimbangan dan kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan pelaksanaannya tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa kerajaan.